

MSC & CTSB NEWS

Author: Nur Syafiqah Maarof
Editor: Siti Amira Aisyah



1. SESI GO-LIVE NAIKTARAF MODUL LESEN EPBT MBJB

01/04/2024 (ISNIN) – 02/04/2024 (SELASA)

CTSB telah berjaya mengadakan satu sesi go-live bagi naiktaraf modul Lesen Sistem ePBT MBJB yang telah dijalankan selama 2 hari bertempat di Menara MBJB, Bukit Senyum. CTSB diwakili oleh Inshirah dan Izzati telah berada di MBJB bagi memastikan pengguna dapat menggunakan Modul Lesen dengan baik dan lancar. Good job team!

2. MALAYSIA'S LEAP TO LEADERSHIP, YOUR VOICE OUR FUTURE BY MPC

02/04/2024 (SELASA)



Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menjemput CTSB ke Sesi Tinjauan Pendapat Eksekutif untuk Buku Tahunan Daya Saing Dunia IMD 2024, yang bertemakan “Lonjakan Malaysia ke Kepimpinan Suara Anda, Masa Depan Kita” dan sesi Geran Produktiviti.

Sesi ini telah berlangsung pada 2hb April 2024 di Bilik ICC MPC di Johor Bahru. Sesi ini telah menggabungkan data tinjauan daripada para eksekutif perniagaan, menambah pandangan tentang persepsi tentang persekitaran perniagaan sesebuah negara. En. Ramlee selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan En. Ikhwan selaku Ketua Unit Robotik dan Bandar Pintar telah menjadi sebahagian daripada sesi tinjauan ini. Pihak CTSB mengucapkan terima kasih atas peluang dan keyakinan yang diberikan untuk mengambil bahagian dalam program yang amat berharga kepada syarikat.

3. SESI PRA UAT eKONTRAK MPKU

03/04/2024 (RABU)



Satu sesi pra-UAT bagi Modul Tambahan ekontrak Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah dijalankan bertempat di Pejabat MPKu bersama pegawai Teknologi Maklumat dan Jabatan Perolehan.

Ini adalah bagi memastikan pembangunan adalah berdasarkan *User Requirement Study* (URS) dan cara kerja di MPKu sebelum UAT sebenar dijalankan kepada pengguna Modul eKontrak MPKu.

4. PEMBENTANGAN DEMOSTRASI SISTEM ePBT KEPADA DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (DBKU)

15/04/2024 (ISNIN)

Sambungan sesi demostrasi sistem ePBT telah diadakan secara talian bersama pegawai DBKU bagi modul-modul Sumber Manusia, Lesen, Bangunan dan Perolehan. Demostrasi sistem sebelum ini berfokuskan kepada modul kewangan dan hasil.

Pembentangan dilakukan oleh Pn Arina selaku Ketua Pegawai Teknologi dan dengan bantuan team yang terlibat dalam memastikan pembentangan kepada DBKU berjalan dengan lancar. Proud of you guys!

5. SESI LATIHAN SISTEM PENILAIAN SEMULA KEPADA MPKU DAN VALUER

23/04/2024 (SELASA) – 25/04/2024 (KHAMIS)

Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) bersama pihak valuer telah bersama-sama menjalankan satu sesi latihan bagi Modul Tambahan Sistem Penilaian Semula yang dilaksanakan oleh CTSB. Ia dijalankan selama 3 hari bertempat di Bilik Latihan Aras 8, Menara MSC Cyberport.

Seramai hampir 30 orang bagi setiap sesi termasuk pegawai MPKu telah menjalani semasa latihan sistem tersebut dijalankan.

Sesi tersebut telah melibatkan beberapa staf CTSB iaitu Fadhzillah, Inshirah, Siti, Amirah, Firdaus Aduka, dan Azizi.



6. SESI LIBAT URUS PEMAIN INDUSTRI – BLUEPRINT BANDAR PINTAR NEGERI TERENGGANU

23/04/2024 (SELASA)



PLANMalaysia Terengganu (PMT) telah mengadakan perbincangan sesi libat urus (*Focus Group Discussion, FGD*) bersama pemain industri berkaitan pembangunan Blueprint Negeri Terengganu, Smart Terengganu 2040 pada 23 April 2024, bertempat di Bilik Latihan Kemboja, Tingkat 11, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Blok F5, Kompleks F, Presint 1, PUTRAJAYA.

Program tersebut dianjurkan bersama PLANMalaysia, PLANMalaysia Terengganu, PMT dan Malaysia Smart City Alliance, (MSCA) dengan bertujuan untuk mendapatkan idea dan beberapa pandangan dari wakil industri berkaitan pembangunan bandar pintar di Negeri Terengganu Darul Iman.

Program yang di mulakan dengan ucaptama daripada Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu (PMT), iaitu TPR, Dr Abu Bakar bin Mat, disusuli ucapan dari Wakil PLANMalaysia, Puan Syarifah Nuraida, Ketua Unit Pusat Perancangan Bandar Pintar (PLAN-BP) dan pembentangan SMART Terengganu 2040 dari Pn. Tn. Zuraihan, Timbalan Pengarah (Pembangunan) PMT.

Pihak Cybersolution Technologies Sdn. Bhd. diwakili oleh En. Mohd Khairul Ikhwan dan Saudara En. Yusuf Johari dalam usaha-sama berkongsi pengalaman bersama PMT terutamanya berkenaan kepakaran dan teknologi berkaitan sistem untuk PBT serta solusi bandar pintar yang boleh diadaptasi di negeri Terengganu.

Diakhir program ini, data dan hasil perbincangan juga boleh ditransformasikan melalui beberapa kertas kerja cadangan solusi yang boleh diutarakan kepada PMT dan pihak berkuasa Tempatan, (PBT) melalui saluran yang disediakan oleh PMT.


Semoga kerjasama dan peluang diberikan sepanjang program ini dapat dimanfaatkan untuk jangka-masa panjang dan merancakkan pembangunan di negeri Terengganu.

7. MONTHLY-GET-TOGETHER EVENT MICCI

24/04/2024 (RABU)

Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) dan MSC Cyberport telah bersama-sama menganjurkan acara Perjumpaan Bulanan di Aras 30, Menara MSC Cyberport. Objektif utama acara tersebut adalah untuk mempromosikan ekosistem yang bertenaga bagi mewujudkan peluang rangkaian, pertukaran pengetahuan dan usaha sama dalam kalangan ahli MICCI.

Program tersebut merupakan satu kejayaan besar dalam menekankan kepentingan komuniti dan pertumbuhan yang dikongsi dalam dunia yang dinamik dan pantas.



8. RAYA POTLUCK MSC & CTSB

24/04/2024 (RABU)



Pihak pengurusan MSC Cyberport dan Cybersolution Technologies Sdn Bhd (CTSB) dengan bantuan dari *Department HR* dan Admin, telah mengadakan aktiviti Potluck Raya bagi menyambut Hari Raya bersama kesemua staf. Potluck raya tersebut telah diberikan kepada beberapa bahagian bagi agihan membawa makan.

Pelbagai makanan dihidangkan khususnya lemang, ayam masak merah, lodeh, rendang dan ditambah pula makanan lain yang telah dibawa oleh staf termasuk satay, mee goreng, buah-buahan, pelbagai jenis kek dan kuih, sandwich, macaroni goreng dan banyak lagi.

Acara yang meriah sambutan pada tahun ini disertakan juga dengan photo booth yang menarik bagi sesi bergambar bersama.

